


Perpaduan

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Atuk membeli _____ pisang dan meminta nenek membuatkan pisang goreng untuk minum petang.
A sesisir
B sebutir
C setandan
D sekawan
- 2 Ibu memasukkan _____ garam ke dalam gulai ayam untuk menyedapkan rasanya.
A sebutir
B secubit
C sekampit
D seulas

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Aishah memberikan _____ payung kepada gelandangan itu agar dia tidak basah dalam kehujanan.
A sekaki
B sebuah
C sebilah
D sebatang
- 4 Saya berkejaran menutup pintu pagar apabila terlihat se_____ lembu sedang menuju ke arah halaman rumah saya.
A gugus
B kawan
C rumpun
D gerombolan
- 5 Oleh sebab tidak turun ke laut, ayah membersihkan beberapa _____ jala di tepi laut.
A keping
B bidang
C rawan
D ketul

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Garis kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

- 1 Tiada siapa pun yang dibenarkan mencero boh kawasan persendirian itu.

- 2 Walaupun tiada sebarang pengawasan daripada pihak pentadbiran, mereka tetap tekun melakukan kerja seseorang.

- 3 Aini tidak membeli mana-mana di kedai cenderamata itu kerana harga yang ditawarkan sangat mahal.

Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikut.

Setelah didengar Sang Sebarau akan mati baginda itu ia pun lalu sujud menyembah sembahnya. "Danlat diri tuanku, ampuni sembah patik harapkan diampuni, seperti tiada Eja yang Maha Mulia itu, terjunjunglah di atas jenazah ubun-ubun patik, akan tetapi harapkan diampuni jika nanti selitannya tiada tuanku memanggul patik ini, sahaja patik hendak menghidap juga hendak bermaklumkan hal diri patik-patik. Hamba rakyat tuanku ini sangatlah dianiaya oleh Sang Memerang ke atas patik-patik sekalian, habis rakyat tentera tuanku dimakannya, dan seperti hamba tuanku dan anak-anak didik itu, habislah sudah dimakan, tuanku, oleh Sang Memerang itu. Di dalam suatu lubuk tempat kediaman patik-patik tinggal patik seekor sahaja. Maka inilah berpecah kesusahan yang dilihat pader Sang Udag itu kerana terlebih maklum tuanku fasal melarikan nyawa ini, tiada berketahuan diucita hati patik kedudukan tiada mendapat aman sentosa seka-kali. Inilah patik memohon hukum Nabi Duli yang Maha Mulia *taalif* timbangan yang keadilan di atas antara patik-patik ini dengan Sang Memerang ini, yang selalu suka mengadakan aniaya ke atas patik dengan tiada menaruh kasihan belas, berinsaf-insaf sama-sama hamba Allah dan rakyat tentera Duli yang Maha Mulia ini. Inilah patik pohonkan hukumannya."

(Dipetik daripada prosa tradisional "Pelanduk Mengajar Memerang", antologi Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 1 Apakah penganiayaan yang dilakukan oleh Sang Memerang terhadap Sang Sebarau?
 - A Sang Memerang telah memusnahkan lubuk tempat tinggal Sang Sebarau
 - B Sang Memerang memakan semua hidupan di sungai tempat tinggal Sang Sebarau
 - C Sang Memerang bekerjasama dengan Sang Udag untuk membunuh anak-anak Sang Sebarau
 - D Sang Memerang telah memakan anggota keluarga serta kaum kerabat Sang Sebarau sehingga yang tinggal hanyalah dirinya seekor saja
- 2 Apakah gaya bahasa yang digunakan bagi perkataan "*taalif*" dalam petikan di atas?
 - A Bahasa Arab
 - B Bahasa klasik
 - C Bahasa istana
 - D Bahasa Sanskrit

... Sang Memerang ini, yang selalu suka mengadakan aniaya ke atas patik dengan tiada menaruh kasihan belas

- 3 Berdasarkan peristiwa di atas, apakah perwatakan Sang Memerang?

- A Prihatin
 - B Murah hati
 - C Suka mengadu
 - D Individualistik
- 4 Apakah nilai yang boleh kita pelajari berdasarkan petikan di atas?
 - A Nilai kejujuran
 - B Nilai bekerjasama
 - C Nilai kebijaksanaan
 - D Nilai hormat-menghormati
- 5 Yang manakah antara berikut merupakan peleraian bagi prosa tradisional di atas?
 - A Sang Memerang mengaku kesalahannya dan meminta maaf
 - B Sang Memerang berjaya membuktikan bahawa dirinya tidak bersalah
 - C Sang Sebarau dan Sang Udag dijatuhkan hukuman kerana memfitnah Sang Memerang
 - D Nabi Sulaiman menjatuhkan hukuman kepada Syah Alam di Rimba kerana membunuh anak-anak Sang Memerang